

**KAJIAN FUTURISTIK DAN KEPENTINGANNYA  
DALAM PEMBANGUNAN TAMADUN ISLAM  
DI MALAYSIA**



**1 UMS**  
**HERNAWATI BINTI NASIR**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2019**

**KAJIAN FUTURISTIK DAN KEPENTINGANNYA  
DALAM PEMBANGUNAN TAMADUN ISLAM  
DI MALAYSIA**

**HERNAWATI BINTI NASIR**



**TESIS YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2019**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_IJAZAH : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: \_\_\_\_\_

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

Catatan:

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 April 2019

---

Hernawati Binti Nasir  
MU1311002T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **HERNAWATI BINTI HAJI NASIR**  
NO. MATRIK : **MU1311002T**  
TAJUK : **KAJIAN FUTURISTIK DAN KEPENTINGANNYA DALAM PEMBANGUNAN TAMADUN ISLAM DI MALAYSIA**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)**  
TARIKH VIVA : **25 JANUARI 2019**

## **DISAHKAN OLEH**

**PENYELIA**  
DR SURAYA BINTI SINTANG



Tandatangan



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Ahzab ayat 41-43,

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا هُوَ الَّذِي يُصَلِّي عَلَيْكُمْ وَمَلِئَكُتُهُ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ وَكَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama ) Allah, zikir yang sebanyak-banyaknya. Bertasbihlah kepada-Nya di waktu pagi dan petang. Dialah yang memberi rahmat kepadamu dan malaikat-Nya (memohonkan ampunan untukmu), supaya Dia mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada cahaya (yang terang). Dan adalah Dia Maha Penyayang kepada orang-orang yang beriman”.

Saya telah datang dengan tangan kosong untuk mencari hasil dalam penyelidikan ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Suraya Sintang yang telah begitu sabar dalam memberi nasihat, membimbing dan menyelia saya sepanjang tempoh beberapa tahun yang lalu. Galakan berterusan beliau memberi saya semangat dan dorongan yang diperlukan untuk menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan tesis ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr Khairiah Mohd Yassin, mantan Pensyarah Kanan, PPIB yang telah memberi bimbingan dan motivasi untuk terus bersemangat dalam penyelidikan.

Dirakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Earnie Elmie Dato' Haji Hilmi, Puan Dg. Hafizah Ag. Basir dan Puan Noorafini Kassim yang telah banyak berkorban masa dan tenaga dalam mengajar, membimbing dan mengatur peperiksaan bagi Kursus Diploma Pengajian Islam untuk tiga subjek iaitu Pengantar Akidah, Fiqh Sirah Nabawiyyah dan Bahasa Arab Tahap 1 yang menjadi syarat dan kebenaran menjalankan penyelidikan saya ini.

Segala puji bagi Allah Yang Maha Esa atas segala kurnia nikmatNya.

Hernawati Binti Haji Nasir

15 April 2019

## **ABSTRAK**

Kajian futuristik (kajian masa depan) merupakan satu disiplin ilmu yang mengkaji isu dan fenomena semasa untuk merancang alternatif masa depan yang survival. Kajian futuristik yang dipelopori Barat telah mencetuskan kesedaran terhadap impak kuasa ejen perubahan masakini iaitu sains dan teknologi, namun menghasilkan tekanan dalaman, kekeliruan dan kejutan kerana bersifat tidak menyeluruh bagi memenuhi tuntutan keperluan fitrah manusia dan pembangunan peradaban. Dalam konteks merancang masa depan pembangunan tamadun Islam di Malaysia, proses memformulasikan agenda peradaban Islam sebagai acuan sendiri jelas dilihat pada fasa pemerintahan Perdana Menterinya dengan gagasan Wawasan 2020 era Tun Dr Mahathir Mohamad, pendekatan Islam Hadhari era Tun Abdullah Ahmad Badawi, program "hijrah" Transformasi Nasional era Dato' Sri Najib Tun Razak dan agenda "reformasi" sekembalinya semula era Tun Dr Mahathir. Objektif kajian ini ialah mengkaji teori kajian futuristik Barat dan Islam; membincangkan terma ketamadunan dan cabaran dalam pembangunan tamadun Islam di Malaysia; dan menilai kepentingan kajian futuristik Islam dalam mendepani cabaran pembangunan tamadun Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks ke atas buku futuris Barat Alvin Toffler dan futuris Islam Ziauddin Sardar yang masing-masing mewacanakan pendekatan analisis dan pendekatan sintesis tentang kajian futuristik. Secara perbandingan, kajian ini mendapati kerangka konseptual dan teoritikal kajian futuristik Sardar lebih bersifat holistik, memenuhi tuntutan fitrah pembangunan dan peradaban kerana idealisme futuristik Islami Sardar merangkumi *worldview* Islam yang menyediakan sistem, epistemologi dan metodologi yang didasari syariah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Situasi ini dilihat selaras dengan hasrat Malaysia membangun negara maju berteraskan prinsip peradaban Islam. Hasil kajian mendapati bahawa syariah adalah metodologi futuristik bagi penyelesaian-masalah pembangunan peradaban, tazkiyah adalah alternatif futuristik bagi peradaban masa depan, dan Sistem Ekonomi Islam adalah solusi futuristik khusus bagi masalah-ekonomi dalam pembangunan peradaban Islam yang survival. Meskipun Malaysia mempunyai rentetan terma ketamadunan iaitu Wawasan 2020, Islam Hadhari, Transformasi Nasional dan Reformasi namun daripada perspektif kajian futuristik Islam, Malaysia belum mempunyai satu metodologi futuristik Islam yang jelas sebagai satu paradigma bagi mengikat kesemua terma ketamadunannya berdasarkan epistemologi, sistem dan *worldview* Islam. Sesungguhnya, kepentingan kajian dan metodologi futuristik Islam adalah relevan dengan aspirasi negara dalam penjanaan alternatif masa depan ke arah merealisasikan peradaban Islam di Malaysia.

## **ABSTRACT**

### **STUDY OF FUTURISTIC AND ITS INTEREST IN THE DEVELOPMENT OF ISLAMIC CIVILIZATION IN MALAYSIA**

*Study of futuristic (future studies) is one of the disciplines that examine current issues and phenomena to plan alternative future for survival. A futuristic study spearheaded West has triggered awareness of the impact of the power agent changes the present science and technology, but produce internal pressure, confusion and shock because of a not exhaustive to meet demands needs of nature in man and the development of civilization. In the context of charting the future development of Islamic civilization in Malaysia, the process on formulating Islamic civilizational agenda as the mold itself reflected the Prime Minister's reign at phase with the idea of Wawasan 2020 era of Tun Dr Mahathir Mohamad, Islam Hadhari approach era of Tun Abdullah Ahmad Badawi, programs migratory National Transformation era of Dato' Sri Najib Tun Razak and reformation agenda after returning the era of Tun Dr Mahathir. The objectives of this study are to review the Western and Muslim theoretical study of futuristic; discuss the terms of civilisation and challenges in the development of Islamic civilization in Malaysia; and evaluate the importance of the Islamic futuristic study in facing the challenges of futuristic development of Islamic civilization in Malaysia. This study using text analysis method on the books of Western futurist of Alvin Toffler and the Islamic futurist of Ziauddin Sardar as respectively used to write with the analysis approach and the synthesis approach on the futuristic studies. In comparison, This study found the framework of conceptual and theoretical of Sardar's work on futuristic studies more holistic in nature, meet the demands of nature and civilization construction because his Islamic futuristic idealism covers the worldview of Islam that provides systems, epistemology and methodology based on Shariah guided-source of the Quran and the Sunnah. This situation is seen in line with Malaysia's aspirations to develop advanced country based on principles of Islamic civilization. This study found that Sharia is the futuristic methodology for the resolution of development issues of civilization; tazkiya is the futuristic alternatives for the future of civilization, and the economic system of Islam is the futuristic solution for troubleshooting-economy in the development of Islamic civilization survival. Although Malaysia has namely terms string civilization of Vision 2020, Islam Hadhari, National Transformation and Reformation, but from the perspective of the study of futuristic Islam, Malaysia has not had a futuristic methodology clearly Islamic as a paradigm for apply to all of those civilizational terms with epistemology-based, systems and worldview of Islam. Indeed, the importance of Islamic studies and methodology is relevant to the futuristic national aspiration in the generation of alternative future towards the realization of the Islamic civilization in Malaysia.*

## **SENARAI ISI KANDUNGAN**

Muka Surat

<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Permasalahan kajian	2
1.3 Objektif kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Skop dan Batasan Kajian	6
1.6 Sorotan literature	8
1.7 Metodologi kajian	13
1.8 Kerangka Konsep Kajian	14
1.9 Susunan Penulisan	17
<b>BAB 2: TEORI DAN PENDEKATAN KAJIAN FUTURISTIK</b>	
2.1 Pendahuluan	19
2.2 Pengertian Kajian Futuristik	19
2.3 Teori Kajian Futuristik Menurut Pandangan Barat	22
2.4 Konsep Kajian Futuristik Menurut Islam	29
2.5 Teori Kajian Futuristik Islam	33
2.5.1 Al-Quran dan Masa Depan	34
2.5.2 Rasulullah S.A.W. dan Masa Depan	35
2.5.3 Khulafa Rashidin dan Masa Depan	35
2.6 Kajian Futuristik Idealisme Muslim Ziauddin Sardar	41
2.7 Matlamat Kajian Futuristik	55
2.8 Kemunculan dan Perkembangan Kajian Futuristik	55

2.9	Kesimpulan	61
-----	------------	----

### **BAB 3: TERMA KETAMADUNAN DI MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN PERADABAN ISLAM PADA MASA DEPAN**

3.1	Pendahuluan	63
3.2	Pengertian Tamadun Islam	63
3.3	Fasa Zaman Kegemilangan Tamadun Islam	65
3.4	Tamadun Islam dalam Konteks Malaysia	68
3.5	Wawasan 2020 sebagai Gagasan Pembangunan Tamadun Islam di Malaysia	71
3.6	Islam Hadhari sebagai Pendekatan Pembentukan Tamadun Islam di Malaysia	75
3.7	Transformasi Nasional dan Gagasan 1Malaysia sebagai Agenda Tamadun Islam di Malaysia	81
3.8	Pembangunan Islam Masakini dan Kelangsungannya Pada Masa Depan	89
3.9	Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan Masa Depan Malaysia	95
3.10	Kesimpulan	99

### **BAB 4: KEPENTINGAN KAJIAN FUTURISTIK ISLAM DALAM PEMBANGUNAN TAMADUN ISLAM DI MALAYSIA**

4.1	Pendahuluan	101
4.2	Cabar Semasa Malaysia dalam Membangun Peradaban Islam	101
4.2.1	Cabaran Ekonomi	101
4.2.2	Cabaran Sosial	105
4.2.3	Cabaran Politik	122
4.3	Analisis dan Penilaian Terma-terma Ketamadunan Malaysia daripada Perspektif Kajian Futuristik Islam	129
4.3.1	Kerangka Metodologi Masa Depan Islam	129
4.4	Kepentingan Kajian Futuristik Islam dalam Mendepani Cabaran Pembangunan Peradaban Islam di Malaysia	133
4.5	Elemen Futuristik bagi Pembangunan Tamadun Islam Malaysia	136
	Idealisme Sardar	
4.5.1	Syariah adalah Metodologi Futuristik bagi Penyelesaian-Masalah Peradaban Islam	140
4.5.2	Tazkiyah adalah Alternatif Futuristik Peradaban Islam pada Masa Hadapan	145
4.5.3	Sistem Ekonomi Islam adalah Solusi Futuristik Khusus Masalah-Ekonomi	148
4.6	Kesimpulan	153

### **BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Kesimpulan	155
5.2	Cadangan	160

### **RUJUKAN**

164

## **SENARAI JADUAL**

Muka Surat

Jadual 2.1:	Perbezaan antara Kajian Futuristik Idealisme Sardar dengan Idealisme Toffler	54
Jadual 4.1:	Statistik Kes Perceraian Orang Islam Mengikut Negeri bagi Tahun 2010-2016	109
Jadual 4.2:	Bilangan Kes Disiplin Pelajar Menengah dan Rendah 2012 Kementerian Pelajaran Malaysia	111
Jadual 4.3:	Jumlah Kes Khalwat Mengikut Negeri bagi Tahun 2010-2015	114
Jadual 4.4:	Kes Kehamilan Remaja pada Tahun 2011-2014	115
Jadual 4.5:	Status Perkahwinan dan Persekolahan Remaja Hamil (10–19 tahun)	115
Jadual 4.6:	Statistik Remaja Hamil bagi Negeri Jumlah Rekod Tertinggi Tahun 2014	116
Jadual 4.7:	Jumlah Kes HIV/AIDS dan Kematian yang Dilaporkan di Malaysia (dari 1986 sehingga 2010)	118
Jadual 4.8:	Statistik Penagihan Dadah dan Pengulangan bagi Tahun 2010- 2014	120
Jadual 4.9:	Analisis dan Penilaian Terma-terma Ketamadunan Malaysia daripada Perspektif Kajian Futuristik Islam	132

## **SENARAI RAJAH**

Muka Surat

Rajah 1.1:	Kerangka Konsep Kajian	16
Rajah 2.1:	Proses "Analisis" dan "Diagnosis" Membentuk Metodologi Futuristik dengan Teori Adaptasi	25
Rajah 2.2:	Mekanisme Projek Umran	45
Rajah 2.3:	Analisis dengan Epistemologi Islam bagi Membentuk Metodologi Futuristik Islam	49
Rajah 3.1:	Sembilan Cabaran Wawasan 2020	72
Rajah 3.2:	Sepuluh Prinsip Islam Hadhari	78
Rajah 3.3:	Agenda Islam dalam Transformasi	86
Rajah 4.1:	Statistik Kes Pembuangan Bayi 2011-2015 (Jan – Jun)	117
Rajah 4.2:	Trend Penagihan Dadah di Malaysia bagi Tahun 2010 hingga 2014	119
Rajah 4.3:	Kerangka Metodologi Masa Depan Islam	130
Rajah 4.4:	Kesinambungan dan Perubahan dalam Syariah	142
Rajah 4.5:	Tazkiyah sebagai "Alternatif Masa Depan" Peradaban Islam	146
Rajah 4.6:	"Pengoperasian Amalan Zakat dan Pembasmian Unsur Riba" adalah Pusat Keseimbangan dalam Sistem Ekonomi Islam	150

## SENARAI SINGKATAN

1AZAM	program Akhiri Zaman Miskin
1MDB	1Malaysia Development Berhad
AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
AIDS	<i>acquired immune deficiency syndrome</i>
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ARF	<i>Absolute Reference Framework</i>
BN	Barisan Nasional
BNM	Bank Negara Malaysia
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia
CBP	Barangan dan Perkhidmatan
CJP	Cukai Jualan dan Perkhidmatan
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Negara
ECRL	Projek Rel Pantai Timur
ETP	<i>Economic Transformation Programme</i> (Program Transformasi Ekonomi)
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i> (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)
GST	<i>Goods and Services Tax</i>
GTP	<i>Government Transformation Plan</i> (Program Transformasi Kerajaan)
HIV	<i>human immunodeficiency virus</i>
HSR	Projek Rel Kelajuan Tinggi
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
ISM	Indeks Syariah Malaysia
ISTAC	Institut Antarabangsa Tamadun dan Pemikiran Islam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
KAFA	Kelas Al-Quran dan Fardu Ain
KDNK	Keluaran dalam Negara Kasar
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KR1M	Kedai Rakyat 1Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MBE	Model Baru Ekonomi
MDeC	<i>Multimedia Development Corporation</i>
MRT	<i>Mass Rapid Transit</i>
MTEM	Majlis Tindakan Ekonomi Melayu
NEM	<i>New Economic Model</i> (Model Baru Ekonomi)
NGO	<i>non-government organization</i>
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
NONSEC	<i>Non-Shariah Equivalent Concepts</i>
NTP	<i>National Transformation Plan</i> (Transformasi Negara)
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan
PH	Pakatan Harapan
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan

PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPBM	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
PPMD	Pegawai Penyelaras Masjid Daerah
PPR	Program Perumahan Rakyat
PR	Pakatan Rakyat
PRU 12	Pilihan Raya Umum Ke-12
PRU 13	Pilihan Raya Umum Ke-13
PRU 14	Pilihan Raya Umum Ke-14
PTP	Program Transformasi Politik
RMK-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RRJP2	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
SRI	Inisiatif Pembaharuan Strategik
TN50	Transformasi Nasional 2050
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UMUM	Sekretariat Ulama-Umara
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
WIFE	<i>World Islamic Economic Forum</i>
YADIM	Yayasan Dakwah Islam Malaysia
YaPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian futuristik adalah satu bidang baru dalam sejarah intelektual Barat dan disifatkan sebagai satu bidang inter-disiplin. Ia merupakan satu percubaan untuk mengkaji kemungkinan dan kebarangkalian masa depan yang dikehendaki untuk manusia. Dalam peradaban manusia, kajian futuristik bukan fenomena baru kerana hampir semua tamadun dan masyarakat mempunyai versi atau tatacara masing-masing untuk meramal dan mengkaji masa depan masing-masing seperti astrologi, numerologi, menelek nasib melalui tapak tangan (*palm reading*) dan pelbagai cara lagi.

Senario masa depan perlu difahami kerana berlaku perubahan drastik yang sebahagian besar disebabkan perubahan teknologi dan peningkatan kebergantungan antara negara dan masyarakat dunia yang semakin mengecil. Kajian futuristik tidak hanya menawarkan teori semata-mata, malah turut diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan. Dalam konteks masakini, aplikasi kajian futuristik merupakan satu keperluan strategik yang tidak hanya digunakan dalam bidang ketenteraan, peningkatan ekonomi dan kelestarian alam sekitar, malah ia juga begitu kritikal dan relevan dalam memahami perubahan sosial yang memberi impak terhadap masa depan. Inti pati utama kajian futuristik melibatkan isu global yang melihat perkaitan antara pertumbuhan penduduk dunia, bekalan makanan dan kelaparan, sumber tenaga, pencemaran alam sekitar, kelestarian pembangunan dan perubahan cuaca dunia dan bencana alam.

Sesungguhnya kajian futuristik begitu berkait rapat dengan kajian sains dan teknologi, namun ia turut memberi kesan sosial kepada masa depan peradaban dunia. Dengan kata lain, perubahan sosial masakini akibat daripada peningkatan penggunaan teknologi bakal mencorak masa depan yang berbeza daripada cara kehidupan masakini. Justeru, boleh dikatakan memahami perubahan akan memberi peluang untuk kita mencorak kehidupan yang lebih baik dan memikirkan cara yang lebih positif bagi mencipta masa depan yang diingini.

Sungguhpun bidang kajian futuristik telah sekian lama diteroka intelektual Barat, namun dipandang sepi dalam konteks kajian Pemikiran Islam Semasa. Justeru, penyelidikan ini cuba menggarap persoalan kajian futuristik daripada perspektif Barat dan bagaimana pemikiran dan *worldview* Islam menawarkan alternatif masa depan sejajar dengan keperluan semasa. Dalam memahami kerangka konseptual kajian futuristik, analisis pemikiran Barat dan Islam akan dibincangkan bersandarkan pemikiran sarjana intelektual Alvin Toffler dan Ziauddin Sardar. Justifikasi pemilihan kedua-dua pemikir dan futuris ini adalah berdasarkan kepada sumbangan penting mereka terhadap perkembangan bidang kajian futuristik (futuristik) dan pengaruh mereka dalam menyebarluaskan kesedaran masa depan dalam kalangan masyarakat Barat dan peradaban dunia Islam khususnya melalui teori masa depan sosial.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Kajian futuristik begitu berkaitrapat dengan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang masih memikirkan formula terbaik bagi membentuk negara maju berdasarkan acuan sendiri. Pelbagai formula telah diketengahkan agar Malaysia tetap berada pada landasan peradaban Islam sekalipun telah mencapai kemodenan dan kemajuan fizikal. Proses memformulasi agenda negara maju berlandaskan peradaban Islam dan mendepani cabaran masa depan dapat dilihat melalui fasa pemerintahan Perdana Menteri bermula daripada gagasan Wawasan 2020 era Tun Dr. Mahathir Mohamad, agenda Islam Hadhari era Tun Abdullah Ahmad Badawi dan konsep hijrah melalui program nasional, Transformasi era Dato' Sri Najib Tun Razak. Formula peradaban masa depan ini diperkuuhkan lagi dengan dasar dan amalan Islamisasi dalam bidang perekonomian seperti Sistem Perbankan Islam, Takaful, Kewangan Islam dan terkini pelancaran pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia (ISM). Usaha ini merupakan beberapa strategi awal untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berperadaban Islam.

Formula berbentuk agenda strategik untuk membangun negara maju berlandaskan peradaban Islam sememangnya jelas menunjukkan kesungguhan Malaysia dalam usaha mencapai misi yang diinginkan. Namun begitu, sekiranya dilihat dalam konteks perkembangan semasa yang melibatkan senario politik, ekonomi dan sosial, sememangnya cabaran yang dilalui tidak mudah. Masalah kronik politik yang dihadapi

dan pada hakikatnya masih jelas kelihatan berlarutan pada sehingga kini yang melibatkan (i) konflik, krisis dan perseteruan politik antara parti-parti Melayu; (ii) penyalahgunaan kuasa dan rasuah dalam kalangan pemimpin politik dan (iii) perjuangan politik yang tidak berasaskan bangsa, agama dan negara (Mohd Azhar Abdul Hamid et al. 2004). Selain itu, pendekatan politik Islam yang diterajui Parti Islam Se-Malaysia (PAS) boleh dikatakan masih belum menunjukkan hasil dalam memperjuangkan kebangkitan Islam dan peradaban Islam; kegagalan mendapatkan kuasa pemerintahan dan kuasa politik; dan kegagalan dalam mengungkap semula agenda pembangunan tamadun Islam (Mohd Izani et al. [ed]. 2007). Jika arena politik masih terus dijadikan gelanggang permainan perebutan kuasa tanpa visi yang jelas dan suci, maka masa depan negara dipimpin oleh ahli politik yang tidak mampu mencorak negara bertunjangkan tamadun Islam (Mohd Azizuddin 2009; Saifuddin 2012). Hal ini memberi kesan negatif kepada survival orang Melayu sebagai peneraju negara berperadaban Islam.

Dalam bidang ekonomi, beberapa isu timbul yang menjadi permasalahan pembangunan nasional. Menurut Saleena (2016), tahun 2015 amat mencabar kerana hutang negara semakin meningkat mencecah RM568.2 bilion iaitu 53 peratus daripada KDNK dan peningkatan inflasi sehingga meningkatkan kos sara hidup. Isu tekanan peningkatan kos sara hidup ini dikaitkan dengan hutang isi rumah yang meningkat pada kadar tertinggi kepada 89.1 peratus daripada Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK). Keberhutangan isi rumah sebahagian besar disumbangkan oleh pembelian aset keperluan asas hidup di era pembangunan dan modenisasi. Situasi ini merumitkan keadaan hidup masyarakat Malaysia dan kebanyakannya yang terkesan adalah dari kalangan orang Melayu yang masih berada dalam kepompong kemiskinan. Hal ini secara tidak langsung menjadi cabaran kepada orang Melayu sebagai peneraju pembangunan tamadun Islam di Malaysia.

Masyarakat Melayu merupakan 60 peratus daripada populasi keseluruhan penduduk negara namun penguasaan ekonomi golongan ini masih di bawah kadar 30 peratus. Berdasarkan laporan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM 2015), status pencapaian ekonomi bumiputera mencatatkan jumlah aset yang paling rendah daripada semua jenis aset berbanding dengan kaum Cina dan India. Masyarakat Cina yang membentuk 27 peratus daripada keseluruhan penduduk mempunyai 65 peratus daripada

kekayaan kasar negara. Persoalan timbul, ke mana hala tuju sebenar ekonomi masyarakat Islam di negara ini pada hari ini dan masa depan? Di sebalik pelbagai dasar yang dibina dan dilaksanakan untuk meningkatkan status dan memperkasakan ekonomi, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat Melayu bumiputera di negara ini masih menjadi cabaran besar bagi Malaysia memandangkan masyarakat Melayu Muslim merupakan tunjang pembangunan peradaban Islam di Malaysia.

Bidang sosial turut menyumbang permasalahan negara masakini yang sebahagiannya adalah impak daripada masalah politik dan ekonomi. Rakyat tidak hanya memikul beban, tekanan dan kesempitan hidup atas ketidaktentuan ekonomi masakini, malah masih berdepan dengan gejala negatif sosial yang sekian lama berlanjutan dan belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Mohd. Azhar Abdul Hamid et al. (2004) menjelaskan antara gejala negatif yang masih mencerminkan hati kalbu masyarakat Melayu seperti pandangan dan pegangan liberal-sekular, gaya hidup menunjuk-nunjuk, sindrom kelemahan unsur moral, sindrom rendah pencapaian, sindrom kebergantungan, nilai rendah terhadap masa, kelemahan jati diri serta mudah lupa daratan dan sebagainya.

Hasil kajian Rahimin Affandi (1999) menjelaskan pada era 1970an dan 1980an, suasana negara diwarnai dengan krisis moral yang membabitkan jenayah perdagangan dan pecah amanah dalam kalangan pekerja kolar biru. Pada era 1990an ini pula kita dikejutkan dengan krisis keruntuhan moral yang begitu meruncing dalam kalangan remaja sebahagian besarnya adalah beragama Islam. Krisis moral yang melibatkan kedua-dua golongan ini amat merunsingkan kerana mereka merupakan tonggak utama yang bakal menggerakkan jentera pembangunan negara maju. Krisis moral tersebut berlanjutan sehingga kini dan situasi ini menjadi permasalahan besar kerana mereka adalah peneraju kepada pembinaan tamadun Islam di Malaysia pada masa depan.

Permasalahan semasa yang dihadapi negara dalam aspek politik, ekonomi dan sosial menjadikan negara mengatur strategi dan dasar bagi mencapai taraf negara maju pada masa depan yang bertunjangkan prinsip tamadun Islam. Dasar yang bertemakan ketamadunan tersebut merangkumi gagasan Wawasan 2020, pendekatan Islam Hadhari dan program Transformasi yang masing-masing diilhamkan oleh Perdana Menteri,

merupakan hala tuju yang ingin dicapai dalam usaha merealisasikan negara berperadaban Islam pada masa depan.

Hakikatnya, kegawatan dan kerencaman masalah politik, ekonomi dan sosial yang dihadapi Malaysia yang berlanjutan sehingga tahun 2017 ini membuktikan Islam Hadhari masih belum mampu memunggah dan memugar sembilan cabaran Wawasan 2020 ke arah pembangunan tamadun Islam. Persoalan kajian yang ingin dibincangkan, apakah teori kajian futuristik Barat dan Islam yang boleh diaplikasikan untuk memahami proses pembangunan peradaban Islam di Malaysia? Apakah terma-terma ketamadunan di Malaysia yang berkaitan dengan usaha pembangunan tamadun Islam pada masa depan? Bagaimanakah kajian futuristik Islam penting dalam memahami cabaran pembangunan tamadun Islam di Malaysia?

### **1.3 Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan kajian futuristik dan kepentingannya dalam pembangunan tamadun Islam di Malaysia. Hal ini dijelaskan dengan membincangkan objektif berikut:

- a. Mengkaji teori dan pendekatan kajian futuristik Barat dan Islam.
- b. Membincangkan terma-terma ketamadunan di Malaysia yang berkaitan dengan pembangunan tamadun Islam pada masa depan.
- c. Menilai kepentingan kajian futuristik Islam dalam mendepani cabaran pembangunan tamadun Islam di Malaysia.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini adalah berlandaskan pertimbangan berikut:

- a. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan penting dalam bidang ilmu pemikiran Islam semasa dan peradaban Islam dengan memberi penjelasan tentang kajian futuristik daripada perspektif intelektual Islam dan perbezaannya

dengan Barat yang boleh digunakan dalam usaha menentukan alternatif masa depan negara.

- b. Kajian ini dilihat penting kerana membahaskan isu-isu kontemporari pembangunan peradaban Islam di Malaysia yang signifikan dengan dasar, gagasan, agenda dan terma-terma ketamadunan negara Malaysia dalam usaha mencapai status negara maju pada dan pasca tahun 2020.
- c. Kajian futuristik merupakan satu bentuk kajian yang kritikal dalam konteks negara Malaysia yang berdepan dengan pertembungan cabaran ekonomi, politik dan sosial dengan cita-cita murni mencapai status negara maju dengan acuan sendiri pada masa depan.

### **1.5 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini berkisar dalam skop dan batasan berikut:

- a. Menghuraikan teori kajian futuristik daripada perspektif Barat dan Islam dengan memfokuskan huraian yang lebih terperinci kepada teori futuristik Islam berdasarkan idealisme Ziauddin Sardar yang relevan dengan terma-terma ketamadunan di Malaysia.
- b. Skop kajian mengkhusus kepada perbincangan terma-terma ketamadunan Malaysia iaitu gagasan Wawasan 2020, pendekatan Islam Hadhari dan program Transformasi Nasional serta dasar-dasar Islamisasi yang dilaksanakan mengikut era pemerintahan Perdana Menteri Malaysia.

Justifikasi pemilihan terma utama ketamadunan Malaysia dalam penyelidikan ini iaitu gagasan Wawasan 2020, pendekatan Islam Hadhari, dan program Transformasi Nasional adalah atas dasar rasional bahawa terma-terma tersebut merupakan terma kontemporari pembangunan tamadun Islam Malaysia. Setiap satu daripada tiga terma ketamadunan tersebut awalnya merupakan fasa yang berkesinambungan dan tergabung jalin yang seharusnya membentuk kesatuan momentum ke arah pembangunan tamadun Islam Malaysia pada masa depan.

Justifikasi pemilihan Ziauddin Sardar sebagai pemikir futuris Muslim kontemporari kerana dunia Islam sering merujuk nama Zaiuddin Sardar di samping Sohail Inayatullah dan Mahdi Elmandjra dalam memahami kerangka konseptual kajian futuristik daripada perspektif Islam. Ketiga-tiga futuris Muslim ini mempunyai latar belakang pendidikan dan kerjaya intelektual yang elit di Barat tetapi hasil kerja analisis dan perbincangan mereka berhubung dengan konsep dan teori kajian futuristik adalah menjurus kepada membangkitkan kesedaran tentang keperluan pembangunan semula peradaban ummah dan dunia Islam yang masih terkebelakang di pentas global. Kenyataan ini membuktikan bagaimana *worldview* Islami telah meresap kukuh dalam hati sanubari mereka yang mempengaruhi idea dan pemikiran futuristik Islam walaupun hidup dalam situasi sistem budaya sekular. Jika dibandingkan ketiga-tiga pemikir ini, Sardar mempunyai tahap keintelektualan yang luar biasa sehingga diiktiraf sebagai salah seorang intelektual yang terbaik di dunia dan seorang futuris Islam antarabangsa yang masyhur kerana mempelopori kajian futuristik berhubung dengan “masa depan Islam” dalam kerangka *worldview* Islam bagi ummah global dalam era kontemporari.



Sardar turut menawarkan satu pandangan yang holistik berhubung dengan kajian futuristik melalui hasil kerja analisis dan sintesis berskala besar bagi menjana alternatif masa depan Islam. Sardar mengakui betapa ramai sarjana Muslim yang boleh menulis Sirah Nabi sebagai elemen al-Sunnah yang lengkap dengan fakta, penerangan yang terperinci dan peristiwa utama disusun dari bab ke bab dengan kemas tetapi kabur, di manakah sistem bagi keseluruhan yang menjelmakan nilai konseptual dan teoritikal yang membentuk metodologi futuristik Islam yang boleh diaplikasikan dalam semua zaman berikutnya? Oleh itu, Sardar mengetengahkan nilai konseptual dan teoritikal yang sistematik membentuk metodologi futuristik Islam yang menjadi paradigma segar bagi membangun semula ummah dan ketamadunan Islam. Beliau melakukan kerja “pensejarahan” dengan menganalisis merentas sirah dan sejarah Islam global tetapi dengan garapan epistemologi Islam dan syariah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, ia disintesis membentuk satu sistem pandangan sejahtera yang jelas tentang pembangunan semula peradaban semasa umat Islam dengan model yang sistematik, Projek Umran. Kerelevan Islam sebagai agama untuk semua zaman, Sardar juga mengetengahkan Sistem *Warrd* yang sinonim dengan proses ijihad merentas perubahan zaman bagi penyelesaian isu dan permasalahan agar memenuhi tuntutan keperluan pembangunan semasa hidup ummah.

Kajian ini memilih kerangka pemikiran Sardar sebagai rujukan utama penyelidikan ini berbanding futuris Muslim yang lain kerana nilai konseptual dan teoritikal hasil penulisan Sardar memenuhi keperluan perbincangan dalam tesis ini. Nilai konseptual dan teoritikal yang dicadangkan oleh Sardar boleh diaplikasikan dalam memahami isu dan permasalahan pembangunan ketamadunan di Malaysia. Walaupun idealisme futuristik Sardar menyajikan peta konseptual dan pelan operasional membentuk skim perancangan konseptual dalam proses mencipta alternatif masa depan negara Islam global, namun maksud dan metodenya tidak rigid. Konsepnya boleh dikembangkan dan metode projek tersebut boleh dikemaskini dan diubahsuai selaras dengan peredaran masa dan keperluan situasi. Namun begitu, kajian ini turut menghuraikan teori pemikiran futuristik Toffler sebagai landasan dalam memahami kerangka konseptual kajian futuristik yang membincangkan situasi dan keperluan menangani perubahan sosial kesan daripada impak dan pengaruh sains dan teknologi.

## 1.6 Sorotan Literatur

Kajian awal menunjukkan kajian futuristik atau *future studies* merupakan satu bidang baru yang masih kurang diteroka dan dibincangkan dalam disiplin ilmu sosial, peradaban dan pemikiran Islam semasa. Kajian lepas mendapat pelbagai teori dan pendekatan digunakan oleh sarjana Barat bagi menjelaskan perubahan sosial masyarakat moden. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Alvin Toffler *Future Shock* (1970), *The Third Wave* (1980), *Powershift* (1991). Secara umum, idea Toffler tentang masa depan bertujuan ingin meningkatkan kesedaran dalam kalangan individu dan masyarakat tentang masa depan. Ia membantu menyedarkan masyarakat tentang isu-isu dan tema-tema utama berhubung masa depan agar manusia memberi perhatian, membuat persediaan dan menyahut cabaran-cabaran yang datang. Toffler juga menarik perhatian mengenai kadar atau ukuran kepantasan sesuatu perubahan dan implikasi yang menyusulinya. Toffler menegaskan peri pentingnya konsep keseimbangan antara kadar berlakunya perubahan persekitaran dengan kadar tindak balas manusia. Kejutan masa depan (*future shock*) berlaku atas sebab sikap ketinggalan yang berterusan manusia terhadap perubahan yang bersifat drastik. Inilah gambaran pada masa depan jika manusia diselubungi atau ditenggelami perubahan dalam era ledakan kemajuan sains dan teknologi. Toffler selanjutnya mengemukakan teori "penyesuaian" (*theory of adaptation*) bagi menghadapi ledakan perubahan yang mencabar. Kajian Toffler merupakan salah

satu daripada sumber utama kajian ini bagi meneliti teori kajian futuristik daripada perspektif Barat dan perbezaannya dengan teori kajian futuristik daripada perspektif Islam.

Selain Toffler, Daniel Bell juga merupakan pemikir Barat prominent dalam kajian futuristik yang terkenal dengan teorinya '*Post-Industrial society*'. Antara bukunya ialah *The Future of Technology* (2001), *The Social Framework of the Information Society* (1979), *The Coming of Post-Industrial Society: A Venture in Social Forecasting* (1973). Bell menjelaskan tentang ketidakrelevanannya teori Marxist dalam dunia intelektual Amerika dan meramalkan masa depan pekerjaan dalam bidang profesional dan perkhidmatan bagi masyarakat Amerika. Bell menjelaskan sumber kekayaan ialah bahan maklumat yang terhasil daripada kajian emperikal sains. Kajian lain ialah *The Next 100 Years* (2009) hasil kajian George Friedman yang menggambarkan keadaan pada masa depan. Serupa dengan penulisan futuristik Alvin Toffler (1970), Friedman menggunakan kaedah kefahaman sejarah masa lalu untuk menjangkau imej masa depan. Bezaanya, Friedman percaya wujudnya "*a 50 years cycle*" dalam masyarakat Amerika selepas 100 tahun lalu.

Kajian futuristik yang terkini ialah hasil pemikiran futuristik Al Gore, *The Future: The Six Most Important Drivers Of Global Change* (2013). Buku ini membincangkan enam pemanca terpenting dalam perubahan global. Berdasarkan teori *emergence and complexity*, Gore menjelaskan kemunculan trend yang melibatkan enam pemanca terpenting tersebut yang berpusat serta saling berinteraksi dalam gelombang perubahan global. Enam pemanca terpenting tersebut ialah (i) kemunculan pertalian kukuh dalam ekonomi global; (ii) kemunculan komunikasi elektronik di seluruh bumi yang menghubungkan fikiran dan perasaan berbilion manusia; (iii) kemunculan keseimbangan baru mengenai politik, ekonomi dan kuasa ketenteraan di dunia; (iv) kemunculan pertumbuhan mapan yang pesat yang berkaitan dengan penduduk, bandar-bandar, penggunaan sumber, kekurangan tanah, bekalan air segar, spesis hidup dan pencemaran produktiviti ekonomi dan pemanca yang terakhir ialah (v) kemunculan hubungan baru yang radikal antara kuasa tamadun manusia dengan sistem ekonomi bumi. Hasil kajian futuristik Al Gore memberi kefahaman tentang metodologi futuristik melalui teknik trend.

Kajian futuristik daripada perspektif Islam mula dikesan melalui penulisan Kalim Siddiqui *Towards A New Destiny* (1974) yang membincangkan tentang permasalahan semasa umat Islam. Siddiqui menjelaskan perlunya intelektual Muslim membina kerangka konseptual dan program operasional, sistem politik dan ekonomi masyarakat Islam. Namun, Siddiqui sendiri tidak mencadangkan sebarang perancangan bagi merangka *blueprint* kajian futuristik. Sungguhpun demikian, buku ini merupakan panduan awal dalam memahami kajian futuristik daripada perspektif Islam.

Kajian futuristik Islam yang paling masyhur dipelopori oleh Ziauddin Sardar melalui bukunya *The Future of Muslim Civilization* (1979) dan *Islamic Futures: The Shape of Ideas to Come* (1985). Sardar menggariskan kepentingan pemikiran masa depan sebagai satu cara untuk membangunkan paradigma dan metodologi dalam memahami dan mengaplikasikan ajaran Islam dalam konteks perspektif peradaban bagi memberi nafas baru kepada peradaban Islam pada masa depan. Sardar mencadangkan model projek peradaban jangka masa panjang iaitu '*Project Umran*' dan menggariskan pelan tindakan untuk direalisasikan oleh umat Islam khususnya golongan intelektual Muslim.

Hasil kajian Sardar merupakan rujukan utama penyelidikan ini bagi memahami kajian alternatif masa depan Islam. Ini kerana hasil kajian Sardar adalah penulisan futuristik yang tidak ada tolol bandingannya buat masakini. Walaupun ia berbentuk analisis membela sejarah Islam tetapi dengan garapan epistemologi Islam dan syariah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah ia membentuk pandangan sangat tentang peradaban semasa umat Islam. Kajian Sardar begitu menarik kerana ia menghasilkan bentuk pembinaan sistem, model dan metodologi futuristik Islam. Sardar mendedahkan permasalahan, konflik dan krisis yang menyentuh persoalan masa depan umat Islam yang dibincangkan secara mendalam. Sardar selanjutnya mengemukakan kaedah penyelesaian-masalah dengan amalan syariah dan Sistem *Warrd* bagi menangani permasalahan umat Islam pada masa depan. Justeru, hasil penulisan beliau akan diolah dan digarap semula isi kandungannya bagi memenuhi keperluan perbincangan dalam tesis ini.

*The Malays: Their Problems and Future* merupakan sebuah buku wacana intelektual Syed Husin Ali (2008) yang membincangkan keperluan melihat masa depan